


Headline	INISIATIF PROMOSI SRI HERBA		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	15 Dec 2017	Circulation	179,231
Section	Agro	Readership	537,693
Page No	8	ArticleSize	830 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 32,572
Journalist	Nor Hanisah Kamaruzaman	PR Value	RM 97,716
Frequency	Daily		



# INISIATIF PROMOSI SRI HERBA

Peserta bengkel turut berpeluang dalam hasil, penemuan tambahan projek kajian RNIH

## RENCANA

Nor Hanisah Kamaruzaman  
renanca@hmetro.com.my

Seramai 185 peserta menyertai Bengkel Perundingan Pemegang Taruh Industri Herba anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di FRIM, Kepong baru-baru ini.

Bengkel itu anjuran bersama Pejabat Pembangunan Herba, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), SME Bank dan Center for Entrepreneur Development and Research (CEDAR).

Tema Memperkasakan Platform Jaringan Industri Herba itu antara inisiatif mempromosikan Sistem Rantaian Industri Herba (SRI Herba).

Sistem berkenaan dibangunkan FRIM melalui projek kajian Rantaian Nilai Industri Herba terpilih di Semenanjung Malaysia (RNIH) yang tamat pada Disember tahun lalu.

Selain itu, peserta turut berpeluang mendalamai hasil dan penemuan tambahan daripada projek kajian itu. SRI Herba antara



PESERTA menyemak maklumat syarikat dalam sistem SRI Herba atau nama terbarunya Herba Xpress.

output penting bagi projek berkenaan.

Malah pihak MOA meluluskan Projek Memperkasa SRI Herba iaitu kesinambungan projek RNIH pada 1 April lalu.

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, ia bertujuan mewujudkan platform hebat dan menambah baik SRI Herba supaya dapat memberikan manfaat kepada pihak berkepentingan selain dapat meluaskan jaringan serta penggunaan sistem itu.

Beliau berkata, kajian

FRIM menunjukkan penjualan tahunan industri herba di Semenanjung Malaysia mencapai RM2.6 bilion namun, pihak industri masih bergantung kepada bekalan bahan mentah sumber hutan asli dan import.

"SRI Herba berkemampuan menyediakan maklumat bagi menghubungkan permintaan dan penawaran bahan mentah dalam kalangan pemain industri kerana ia mengandungi direktori pemain serta statistik terkini berkaitan

industri herba. "Sistem ini dibangunkan berdasarkan maklumat bantian yang dijalankan terhadap 6,545 pemain industri herba terdiri dari 96 pembekal bahan tanaman, 462 penanam, 550 pengusaha, 445 pemborong dan 5,467 peruncit.

"Selain paparan muka utama yang berinformatif, khidmat bagi menghubungkan pengguna kepada pasaran produk secara dalam talian turut ditawarkan," katanya selepas merasmikan bengkel berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Bahagian Pejabat Pembangunan Herba MOA Nor Hisham Ibrahim, Timbalan Ketua Pegawai (Penyelidikan) FRIM Dr Ismail Harun dan Pegawai Bahagian Perancangan Penyelidikan FRIM Dr Nur Supardi Md Noor.

Ketua Pegawai Operasi CEDAR Mohammad Husain Mohd Dawood turu menyampaikan ucaptama bertajuk, 'Adakah Anda Ingin Menguasai Pasaran dan Pelanggan? Ketahui Strategi dan Caranya'.

Abd Latif berkata, penambahan ciri pilihan dwibahasa dan aplikasi mudah alih bakal diperkenalkan dalam masa dekat.

Pihaknya turut percaya sambutan menggalakkan terhadap bengkel iaitu 70 peratus peserta terdiri daripada pihak industri herba menunjukkan kepercayaan industri terhadap pihak FRIM.

"FRIM sangat menghargai kerjasama semua pihak. Saya percaya kerjasama erat ini akan berterusan dan membentuk satu laluan baru bagi pembangunan industri herba di negara ini.

"Laluan ini juga akan memperlihatkan kebangkitan Malaysia sebagai satu pusat herba antarabangsa di pet dunia," katanya.

Majlis perasmian bengkel itu turut menyaksikan pelancaran nama baru bagi SRI Herba, iaitu 'Herba Xpress' dengan slogan 'Herba di hujung jar!'

Maklumat lanjut berkerauan SRI Herba atau Herba Xpress layari <http://herbaxpress.frim.gov.my>.



BERGAMBAR kenangan selepas majlis perasmian bengkel.



**SRI Herba**  
berkemampuan  
menyediakan maklumat  
bagi menghubungkan  
permintaan dan  
penawaran bahan  
mentah dalam kalangan  
pemain industri

**ABD LATIF**

## INFO

Antara perkhidmatan yang ditawarkan sistem SRI Herba atau Herba Xpress adalah:

- Mendapatkan produk herba berdekatan dengan segera.
- Informasi lanjut umum industri herba di Semenanjung Malaysia.
- Memperluaskan jaringan pasaran produk tanpa sempadan.
- Mendapatkan pembekal bahan mentah yang dipercaya dan diiktiraf.
- Peluang pengiklanan produk secara percuma.
- Ketahui pengguna yang mempunyai fasiliti penghasilan produk secara OEM.
- Akses maklumat dana dan program yang disediakan oleh kerajaan.
- Peluang menceburi industri herba.
- Rujukan persampelan dalam kajian berkaitan industri herba.
- Memberi manfaat kepada penyelidik yang menjalankan kajian berkaitan industri herba.